

Kawasan tadahan air ketiga untuk Empangan Teluk Bahang

04/11/2020 05:55 PM



GEORGE TOWN, 4 Nov -- Kawasan tadahan air terbaharu Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) di Batu Ferringhi dekat sini sudah boleh mula digunakan sejak semalam untuk turut membekalkan air mentah ke Empangan Teluk Bahang semasa musim hujan di akhir tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Jaseni Maidinsa berkata PBAPP telah melaksanakan "Skim Pemindahan Air Mentah Tadahan Batu Ferringhi ke Teluk Bahang" semalam yang akan membolehkan air mentah dari bukit kawasan itu disalurkan ke empangan melalui laluan sejauh 3.5 kilometer.

"Setiap kali hujan lebat, air mentah yang berlebihan dari empat muka sauk di Kawasan Tadahan Air Batu Ferringhi disalurkan oleh aliran graviti menuju empangan, melalui terowong sedia ada.

"Dalam keadaan normal, air mentah dari empat muka sauk itu hanya digunakan untuk pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Batu Ferringhi dan LRA Guillemard," katanya menerusi satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata Empangan Teluk Bahang kini diisi oleh air mentah dari tiga kawasan tadahan air iaitu di Kawasan Tadahan Air Teluk Bahang, Kawasan Tadahan Air Sungai Pinang (sejak 10 Sept) dan Kawasan Tadahan Air Batu Ferringhi (sejak semalam).

Katanya penerokaan kawasan tadahan air ketiga bagi membantu mengisi semula empangan Teluk Bahang mencerminkan komitmen PBAPP untuk "mempertahankan" kapasiti simpanan empangan, dan dengan itu memastikan perkhidmatan bekalan air yang berterusan di kawasan utara Pulau Pinang.

"Sejak beroperasi pada tahun 1999, empangan ini telah memainkan peranan utama dalam mengekalkan bekalan air yang baik di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan kawasan sekitar Tanjung Bungah," katanya.

Beliau menambah, kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang telah meningkat sebanyak 19.5 peratus, daripada 16.0 peratus pada 5 Sept kepada 35.5 peratus pada 3 Nov.

"PBAPP menyasarkan Empangan Teluk Bahang mencapai kapasiti efektif 45.0 peratus hujung tahun ini sebagai persediaan untuk menghadapi musim kemarau yang dijangka bermula Januari tahun depan," katanya.

Sementara itu, PBAPP mengumumkan terdapat gangguan bekalan air berjadual selama lapan jam bermula 10 malam pada 7 Nov ini melibatkan beberapa kawasan di Jalan Perda Utama, dekat daerah Seberang Perai Tengah untuk melaksanakan kerja-kerja akhir penyambungan paip di kawasan tersebut.